

14 DEC 1996

TUJUH PESERTA PERDENGAR BACAAN MALAM INI

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Sainap Abdulromae dari Thailand ialah antara tujuh peserta yang memperdengarkan bacaan pada hari keenam Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-38 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Sainap ialah antara dua qariah selain daripada Aminatous Soumaya Diop dari Senegal dan lima qari yang mengambil bahagian.

Lima qari itu ialah Mohammad Aftab Alam Mazahri (India), Bakhramov Abdulrashid (Uzbekistan), Sayed Aeaj Ahmad Nazir (Mauritius), Mamleev Yusef Anryarovich (Russia) dan Lamine Ngom (Senegal).

Majlis penutup dan penyampaian hadiah oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar akan diadakan malam esok. Turut dijadualkan hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

LES AKD